

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RMK 252 - Pengantar Pengurusan Projek

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja. DUA daripada BAHAGIAN A dan TIGA daripada BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. Firma anda telah mendapat kontrak untuk membina sebuah rumah batu 2 tingkat di Gelugor, Pulau Pinang. Sebagai Penyelia, anda telah ditugaskan untuk merancang kerja-kerja pembinaan rumah tersebut.
  - (a) Sediakan satu 'Rajah Precedence' bagi projek tersebut serta tunjukkan aliran kritikalnya. Hadkan bilangan aktiviti antara 16 - 25 sahaja dan berikan jangka waktu yang munasabah untuk setiap aktiviti projek.
  - (b) Jika diberi pilihan antara kaedah Carta Bar dan Kaedah Rangkaian Kerja, yang manakah akan anda pilih? Berikan alasan-alasan untuk menyokong pilihan anda.

(20 markah)

...2/-

2. Rajah 1 menunjukkan Rangkaian Kerja untuk sebuah projek tertentu. Nombor aktiviti, Jangka waktu aktiviti serta jumlah tenaga kerja yang diperlukan untuk setiap aktiviti adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah tersebut. Berdasarkan kepada maklumat yang diberi, sediakan:

- (i) Satu Carta Bar Masa untuk projek tersebut.
- (ii) Lukiskan Rajah Sumber untuk projek berkenaan:
  - (a) Andaikan setiap aktiviti bermula pada Tarikh Mula Terawal masing-masing.
  - (b) Andaikan setiap aktiviti bermula pada Tarikh Mula Terakhir masing-masing.

(20 markah)

BAHAGIAN B

3. (i) Berikan tiga sebab mengapa kemahiran pengurusan di dalam industri pembinaan harus dipertingkatkan menjelang tahun 2020.
- (ii) Nyatakan arus-arus pemikiran dan perspektif utama yang telah timbul di dalam evolusi teori pengurusan dan organisasi. Bincangkan kesesuaian setiap satunya di dalam industri pembinaan di Malaysia pada masa kini.

(20 markah)

4. (i) Terangkan konsep motivasi. Gunakan teori-teori pengurusan yang ada untuk membincang kesesuaian wang sebagai punca ransangan yang utama bagi pekerja-pekerja di dalam:-
- firma jurukur bahan
  - projek pembinaan
- (ii) Pada pendapat anda apakah perkara lain yang patut diambilkira di dalam mempengaruhi motivasi pekerja-pekerja di dalam kedua situasi yang diberikan di atas.

...3/-

5. (i) Nyatakan sifat-sifat yang perlu ada pada seseorang pengurus yang membolehkannya menjadi seorang pemimpin.
- (ii) "Kepimpinan adalah satu sumber yang berkurangan di dalam industri pembinaan sama ada di sektor awam atau swasta, dan di semua tahap di dalam organisasi tersebut". Bincangkan.

(20 markah)

6. (i) Apakah yang dimaksudkan dengan struktur organisasi? Mengikut Mintzberg struktur-struktur boleh dibahagikan kepada lima jenis. Jelaskan kelima-limanya.
- (ii) Pilih tiga daripada struktur yang telah ada huraikan dan berikan satu contoh bagi setiapnya dari industri pembinaan. Nyatakan kelemahan dan kelebihan ketiga-tiga struktur tersebut.

(20 markah)

...4/-

Rajah 1

